

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkara yang berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh sebuah syarikat untuk membangunkan tanah beberapa gugusan FELDA di Daerah Tampin. Apakah Kerajaan mengetahui tentang perkara ini dan sejauh mana syarikat tersebut berbincang dengan pihak-pihak yang berkaitan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini merujuk kepada artikel Berita Harian bertajuk "Peneroka FELDA Raja Alias Bakal Jadi Jutawan" dan Harian Metro bertajuk "Peneroka Raja Alias Bakal Jutawan" bertarikh 10 March 2020. Artikel tersebut melaporkan sebuah syarikat iaitu Mohhashi Space Gateway Sdn. Bhd. mahu memajukan tanah peneroka FELDA Wilayah Raja Alias, Negeri Sembilan bersama syarikat pelabur dari Turki, Ender Prefabrik Konstruksiyon sebagai bandar aeroangkasa dan bandar berkembar Istanbul. Dilaporkan juga, tanah FELDA bakal ditawarkan pada harga RM320,000 bagi setiap 0.4 hektar dengan purata setiap peneroka di situ bakal menerima RM3.2 juta.

2. Sehingga kini, pihak FELDA tidak pernah mengeluarkan sebarang kelulusan kepada syarikat tersebut, apatah lagi tanpa merujuk kepada bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri.

3. FELDA juga difahamkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah serta Majlis Perbandaran tempatan yang tidak menerima sebarang permohonan untuk memajukan tanah FELDA di kawasan berkenaan, yang mana cadangan berkenaan wajib dikemukakan kepada kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

4. Satu laporan polis telah dibuat oleh pihak FELDA pada Ogos 2020 di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi berkenaan cubaan mempengaruhi peneroka FELDA Raja Alias dalam aktiviti membeli tanah rancangan FELDA. Laporan tersebut bertujuan melindungi kepentingan FELDA dan warga peneroka FELDA Wilayah Raja Alias yang telah didekati individu-individu tidak dikenali yang mewakili sebuah syarikat bagi tujuan membeli tanah mereka.

5. Prosedur di FELDA adalah sebarang perancangan pembangunan atau tawaran yang melibatkan tanah FELDA seharusnya ditujukan atau dibawa secara rasmi kepada pihak FELDA terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.